

12 SEP 2003

Bajet-Pertanian

KERAJAAN SEDIA RM1 BILLION DI BAWAH KREDIT MIKRO DESA

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan menyediakan Kredit Mikro Desa berjumlah RM1 billion di bawah Bank Pertanian Malaysia untuk memastikan program itu dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kredit itu akan disalurkan mengikut kumpulan melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) kepada kampung-kampung yang mempunyai program satu produk satu kampung dan penyeliaannya akan dibuat oleh Jawatankuasa Pembangunan Daerah serta Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Katanya program itu bertujuan memberi peluang kepada para petani menggunakan masa lapang mereka untuk bekerja serta menambahkan pendapatan.

Beliau berkata peruntukan sebanyak RM3.3 billion akan disediakan bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan sektor pertanian.

"Sebahagian besar dari jumlah itu, iaitu sebanyak RM885 juta adalah bagi menyediakan kemudahan asas pertanian, di samping itu, akuakultur akan digiatkan dengan peruntukan sebanyak RM70.6 juta," katanya.

Dr Mahathir berkata, RM165 juta disediakan bagi pembinaan Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu dan Pusat Latihan Perikanan di Tanjung Manis, Sarawak.

Katanya, kerajaan akan terus memberi penekanan ke arah memodenkan lagi sektor pertanian bagi meningkatkan hasil pengeluaran negara dan memberi penekanan terhadap pertanian berskala besar serta bercampur-campur.

Beliau berkata sektor ternakan, penggunaan tanah secara intensif dan penggunaan teknologi serta pengurusan moden seperti pemprosesan, logistik, pembungkusan, jenama dan mencari pasaran baru akan diberi galakan.

Katanya untuk itu, semua komponen dalam rantai berkena termasuk "delivery system" akan diperkukuhkan lagi khususnya dalam penyediaan "cold storage chain" bagi produk pertanian yang mudah rosak.

"Syarikat yang menjalankan aktiviti menyediakan kemudahan dan perkhidmatan seperti itu boleh menggunakan dana modal teroka yang disediakan oleh kerajaan melalui MTDC, di samping syarikat baru yang menyediakan rangkaian perkhidmatan itu telah diberi Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan dalam menggalakkan pelaburan semula dalam bidang itu," katanya.

Perdana Menteri berkata Kerajaan turut mencadangkan syarikat milik tempatan sedia ada diberi galakan seperti memberi taraf perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70 peratus ke atas peningkatan pendapatan daripada pelaburan semula lima tahun.

Katanya, kerajaan juga terus memberi perhatian kepada usaha meningkatkan penglibatan masyarakat orang asli supaya mereka turut sama menikmati manfaat pembangunan ekonomi negara.

Beliau berkata, sebagai langkah untuk menambahkan pendapatan mereka, mereka juga diberi kemudahan kredit mikro desa bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti ekonomi termasuk pertanian dan perusahaan kecil.

"Selain itu, mereka juga mendapat kemudahan sewa beli bot dan enjin sangkut di bawah skim pembinaan bot dalam Projek Strategi Baru di samping berpeluang memiliki rumah yang selesa dan mampu dibeli dengan diberi keutamaan memperolehi rumah mesra di bawah skim Syarikat Perumahan Negara Berhad dengan pinjaman yang lebih mudah," katanya.

Beliau berkata peruntukan sebanyak RM156.5 juta telah disediakan untuk meneruskan projek-projek pembangunan masyarakat orang asli termasuk rancangan pengumpulan dan penyusunan semula kampung dan pembangunan

aktiviti ekonomi seperti latihan keusahawanan dan kemahiran.

Katanya, kerajaan juga menyediakan bantuan persekolahan seperti pakaian seragam, buku teks dan tambang bas sekolah kepada anak-anak orang asli.

-- BERNAMA

NER AHH AZH